

10/03/2003

The One Academy lahir pelajar inspirasi negara

Khairina Yasin

HASRAT Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 memerlukan sokongan dan kekuatan daripada seluruh rakyat khususnya golongan yang disifatkan sebagai pemangkin utama kemajuan negara masa depan.

Hakikat ini turut disedari oleh institusi pendidikan reka bentuk komunikasi yang tidak asing lagi di negara ini, The One Academy sentiasa berusaha memberi kefahaman kepada pelajarnya mengenai dasar kerajaan serta

cabaran yang perlu diatasi menjelang 2020.

Usaha ini dilakukan melalui penghasilan pelbagai karya kreatif dan seni

reka bentuk yang menarik dan inovatif oleh pelajarnya dalam bidang pengkhususan masing-masing.

Terbaru, kejayaan pelajar dan graduan akademi berkenaan menghasilkan karya lukisan yang kreatif bertajuk 'Wawasan 2020'.

Lukisan yang menggambarkan visi masa depan pelajar akademi itu diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Majlis Perasmian Forum Umum Mengenai Wawasan 2020 anjuran Yayasan Pendidikan Hua dan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli), baru-baru ini.

Turut hadir Pengerusi yayasan, Tan Sri Lee Kim Yew dan Pengarah Urusan dan Pengetua The One Academy, Tatsun Hoi.

Abdullah dalam ucapannya berkata, cabaran yang digariskan dalam Wawasan

2020 perlu disahut pelajar hari ini demi membuktikan mereka bukan jaguh kampung sebaliknya mampu cemerlang terutama di peringkat antarabangsa.

"Inilah masanya untuk kita memupuk semangat tinggi serta usaha jitu di arena global bagi membolehkan pelajar bersaing dalam bidang pendidikan, sekali gus memastikan Wawasan 2020 tercapai," katanya yang turut memuji usaha pelajar akademi itu menghasilkan lukisan yang begitu menarik.

Pada majlis itu juga, persembahan animasi multimedia bertajuk 'Impian Perdana Menteri' yang memaparkan babak harapan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad terhadap Wawasan 2020 turut dipersembahkan.

Animasi yang menggunakan media teknologi terkini itu dihasilkan dalam masa sepuluh hari oleh pelajar akademi berkenaan.

Menurut Tatsun, pihaknya sentiasa memberi penekanan utama terhadap ketinggian mutu pencapaian pelajar akademi itu.

"Hasil yang dicapai bukan saja perlu cemerlang tetapi juga harus praktikal dan mencapai tahap keperluan industri teknologi komunikasi maklumat selaras dengan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Apa yang paling penting ialah pelajar memahami apa sebenarnya Wawasan 2020 dan ia mampu diluahkan melalui lukisan atau animasi yang menarik," katanya.

Terletak di lokasi strategik Bandar Sunway, Selangor, The One Academy menawarkan pelbagai kursus profesional dalam bidang Reka Bentuk Komunikasi, Reka Bentuk Multimedia, Animasi Digital, Pengiklanan & Reka

Bentuk Grafik, Ilustrasi & Komik dan Reka Bentuk Dalaman.

Akademi berkenaan membuka tiga pengambilan setiap tahun, iaitu pada Januari, Mei dan Ogos dan pendaftaran bagi pengambilan Mei ini dibuka sekarang.

Untuk maklumat lanjut The One Academy, hubungi talian 03-56375510 atau fax 03-56211716 atau layari laman web di www.TheOneAcademy.edu.my atau e-
mel inquiry@TheOneAcademy.edu.my.